

# **Estetika dan penyatuan rakyat**

Oleh **PROFESOR MADYA  
DR. LIM SWEE TIN**  
(Universiti Putra Malaysia)



**S**ASTERA merupakan hasil cipta seni kreatif. Umum mengetahui dengan jelas hal ini. Sastera juga menggunakan medium bahasa untuk menyampaikan maksud dan tujuannya. Ia disokong beberapa elemen teknik untuk membentuk dirinya. Karya yang tercipta menjadi tatapan pembaca. Dari itu berlaku dialog; dialog pengarang dengan pembaca, dialog dalam diri pembaca sendiri, dialog dalam kumpulan yang lebih besar, sehingga membentuk pemikiran dan budaya.

Kekuatan seni kreatif ini sudah terbukti dalam masyarakat kita sejak zaman berzaman. Karya kesusasteraan dengan pengertiannya yang lain sudah lama memainkan peranan. Ia membentuk nilai, memercikkan estetika yang meresap jauh ke jiwa pembaca dan menjadi wahana yang ampuh dalam menyatupadukan masyarakat.

Karya sastera lazim dilihat daripada beberapa jurus pandang. Pertama, cubaan memahami karya melalui pentafsiran. Kedua, melihatnya dalam konteks perlambangan. Ketiga, metafora juga satu ikhtiar menemukan titik estetik dalam karya. Aristotle melihat metafora sebagai penggunaan bahasa yang istimewa dan luar biasa dan memperlihatkan usaha lencongan daripada kegunaan bahasa yang normal. Metafora memberi ilustrasi kepada gambaran dalam karya, memampatkan makna, dan mengiringi emosi dan sikap pembaca. Penggunaan metafora membantu membentuk konsep asosiasi selain merangsang daya imaginasi pembaca.

Sejak era ASAS 50, pembicaraan estetika dalam karya sudah bermula. Slogan Seni untuk Seni mendekati keinginan menemukan kesan estetik dalam karya. Peneliti sastera yang terkemudian seperti Yahaya Ismail, Baha Zain, Hashim Awang dan Umar Junus banyak membicarakannya. Anis, Rahman Shaari dan A. Wahab Ali selain itu merupakan peneliti yang tekun. Mohd. Affandi Hassan juga menginginkan kesempurnaan karya kreatif dan melihat estetika sebagai satu perkara yang penting dalam prosa mahupun puisi.

Stilistik juga menyumbang kepada pembentukan estetika kerana stilistik dan sastera adalah seiring sejak berkurun-kurun dahulu lagi. Dalam era Aristotle misalnya, dikatakan kajian puisi menjadi salah satu cabang kajian tatabahasa. Di sini terletak keistimewaan karya sastera. Penggunaan diksi yang khas, pemilihan pola dan jenis ayat dalam cerpen dan novel umpamanya menentukan gaya. Dalam puisi, seawal pemilihan dan penggunaan diksi, membawa kepada gubahan ungkapan dan binaan baris, membangunkan rangkap dan terciptanya seluruh karya disertai pengaplikasian pelbagai bentuk penggunaan bahasa menyerikan gaya dalam penciptaan karya.

Bukankah bahasa dan teknik itu yang digunakan dalam karya sastera yang menentukan kesan keindahan kepada pembacaan? Idea juga memainkan peranan



**KARYA** sastra yang baik mampu menjadi wadah penyatuan kalangan masyarakat pelbagai kaum.

yang penting yang digabungkan dengan kekuatan berbahasa yang sedia ada. Bahasa memang sudah sedia indah, dan di tangan pengarang ia diperindah lagi melalui kekuatan sensitiviti, persepsi dan kreativiti pengarang.

## Penyatuan Masyarakat

Karya sastra membina tamadun bangsa. Ini kerana karya sastra secara mudahnya membentuk kerangka minda dan sikap masyarakat. Pandangan dunia bangsa menjadi jitu. Karya yang pernah memenangi HSKU memancarkan ciri-ciri ini sejak awal sampai kini. Banyak puisi dan cerpen umpamanya yang memuatkan sejumlah besar pemikiran mampu menyumbang kepada kesatuan minda bangsa. Dari soal-soal pembinaan sahsiah diri yang mudah-mudah sehinggalah kepada idealisme kenegaraan yang besar, karya-karya ini mampu membentuk satu kesatuan fikiran yang membina. Pengarang mempunyai tugas dan tanggungjawab yang sangat signifikan.

Karya-karya HSKU selain itu telah berjaya menghimpunkan sejumlah pengarang mapan dan baharu dari segi terciptanya komuniti penulis dalam sekelompok kesatuan yang besar, menghimpunkan dan memejalkan pati pemikiran, mengakrabkan pengarang Melayu dengan pengarang dari kaum atau etnik lain yang mengarang dalam bahasa Melayu dalam satu wadah, mendekatkan jarak pengarang Semenanjung, Sabah dan Sarawak, dan mengharmonikan jurang pemahaman, aspirasi hidup, budaya dan patriotisme.

Karya-karya yang telah berjaya dihimpunkan setakat ini jelas merumuskan hakikat yang dikatakan di atas. Ia terjadi secara natural dan berhasil apabila penelitian panel dilakukan secara berhati-hati, cermat dan berhemah. Banyak karya kreatif termasuk yang non-kreatif akhir-akhir ini melalui rencana sastra dan esei kritikan juga mempercepat penyatuan budaya,



Karya kesusasteraan dengan pengertiannya yang lain sudah lama memainkan peranan. Ia membentuk nilai, memercikkan estetika yang meresap jauh ke jiwa pembaca dan menjadi wahana yang ampuh dalam menyatupadukan masyarakat

kesinambungan sejarah dan falsafah kehidupan melalui wadah sastra.

## Perbincangan karya terpilih

Sepanjang tempoh 26 tahun HSKU sudah banyak karya-karya yang telah ditemukan. Dalam ruangan yang relatif berbatas ini dipilih dua karya untuk diperkatakan secara yang sepintas lalu, iaitu; *Estet dan Kuarters Batu 13* karya Zainal Rashid Ahmad dan *Antara Dua Deru* karya Arena Wati.

Cerpen *Estet dan Kuarters Batu 13* karya Zainal Rashid Ahmad merupakan sebuah cerpen yang memenangi hadiah dalam Kategori Cerpen Remaja HSKU 2010. Ia memaparkan subjek perpaduan kaum melalui pengolahan dan teknik bercerita yang sangat bersahaja, namun berkesan. Pengarang memaparkan sketsa demi sketsa untuk membentuk satu kesatuan cerita yang utuh.

Subjek perpaduan kaum yang diangkat dalam karya ini dibuat secara yang natural, tanpa sogokan melulu. Cerpen mengisahkan

kehidupan zaman kanak-kanak pengarang dengan beberapa kawannya, antara Devan seorang remaja India, dan Maya seorang remaja anak pegawai tinggi di estet yang cantik, yang menjadi tumpuan mereka.

Kaum-kaum yang berbeza ini menikmati kehidupan secara yang harmonis serta penuh muhibah. Ia sangat relevan tatkala polarisasi kaum semakin diperkatakan. Cerita berjaya membina emosi yang jernih dalam hal penyatuan hati dan fikiran walaupun kita berlainan asal keturunan dan agama anutan. Cerpen *Estet dan Kuarters Batu 13* seperti air jernih yang mengalir kepada sikap dan kesedaran khususnya golongan muda peri perlunya hidup bersama, dalam proses mengenali diri dan manusia di sekelilingnya. Banyak unsur nilai yang diperkatakan di atas dapat ditemukan dalam karya ini. Dari segi estetika juga, cerpen menyumbang kepada keindahan kesenian sastera Melayu yang mengagumkan.

Sasterawan Negara Arena Wati memenangi HSKU 1990 dalam Kategori Cerpen Umum melalui karya yang berjudul *Antara Dua Deru*. Cerpen ini mengisahkan satu idealisme yang hebat melalui lintasan satu fragmen singkat pengarang di luar negara iaitu di San Francisco, California, Amerika Syarikat. Datang untuk liburan seminggu, pengarang ditemani pemandu teks Kim Seung Yuk dari Korea Selatan. Kim mempunyai idealisme kuat memperjuangkan penyatuan Korea dari luar negara. Sementara pengarang dengan jati diri manusia Melayu yang kukuh dan anutan agama serta pegangan nilai yang kuat meledakkan konflik. Ada dialog besar antara Timur dan Barat; Barat yang suka mengeji dan memandang rendah dengan keinginan Timur mempertahankan maruah dan harga diri. Pengarang menyingkap sekelumit kisah dengan menyelitkan unsur wanita penggoda pelayan restoran yang datang ke biliknya untuk memperdagangkan tubuh.

Gaya bercerita Arena Wati kemas. Indiosinkrasi stilistiknya terjaga rapi. Penggunaan watak terkawal. Antara saya sebagai protagonis yang kukuh dengan Kim yang tunduk kepada tekanan keadaan dan gadis pelayan restoran yang sedia menyerahkan diri untuk seorang lelaki yang setia kepada isteri yang diikat akad yang teguh terpateri, cerpen ini memancarkan contoh kekuatan peribadi dan jati diri manusia Melayu dan bangsa kita.

Sastera perlu terus menjadi wadah kepada pengucapan jiwa bangsa. Masyarakat juga masih memerlukan sastera untuk menyalurkan pemikiran yang berharga. HSKU sudah melepasi usia ke-26 tahunnya. Sumbangannya amat besar menghadihi masyarakat dengan selonggokan penting karya untuk dijadikan bacaan, bahan renungan dan khazanah bernilai. Selagi cipta sastera kita terus bervariasi cukup dengan pencarian dan penemuan-penemuan baharu pengucapan serta pengolahannya, sejajar perkembangan sekeliling yang memutar ligat rona dan rencah kehidupan yang menantang, ia tetap relevan malahan diperlukan.